

BAB 4 – PERANCANGAN DAN KAWALAN KOS

4.1 Pendahuluan

- 4.1.1 Reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina disediakan berdasarkan ringkasan projek dan data-data yang diperolehi dari pengukuran dan penyelidikan di tapak bina. Anggaran kos awalan hendaklah disediakan berdasarkan reka bentuk awalan dan pelan susun atur tapak yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan.
- 4.1.2. Anggaran kos awalan merupakan satu cara semakan sama ada wang atau peruntukan yang diperuntukkan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan mencukupi dan/atau menjadi petunjuk terhadap amaun wang yang diperlukan bagi projek tersebut. Sekiranya anggaran kos awalan melebihi peruntukan projek, kelulusan dari Kementerian/Jabatan Pelanggan hendaklah dipohon sama ada dengan mendapatkan peruntukan tambahan atau mengurangkan kos melalui kajian semula skop kerja.
- 4.1.3. Semasa penyediaan reka bentuk terperinci (setelah kelulusan reka bentuk awalan diperolehi daripada Kementerian/Jabatan Pelanggan) semakan kos dibuat bagi memastikan belanjawan atau peruntukan yang telah diluluskan tidak dilampaui.

4.2 Perancangan Kos

4.2.1 Prosedur Perancangan Kos

Prosedur perancangan kos ke atas reka bentuk sesuatu bangunan adalah seperti berikut:

- (a) Pelan kos bangunan disediakan mengikut elemen fungsi. Senarai standard elemen bangunan yang disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan adalah seperti di Lampiran 4A. Kos bagi setiap elemen dianggarkan dengan